



**GROUP TERM LIFE
ASSURANCE SCHEME**

S1000101

TONE WOW SDN. BHD.

STAMP
DUTY PAID

AmMetLife Insurance Berhad (197301002252)
Level 24, Menara 1 Sentrum, No.201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur, Malaysia. GPO Box 10956, 50730 Kuala Lumpur
Telephone: 1300 88 8800 Fax: +603 2272 3226 E-mail: customercare@ammetlife.com
Website: www.ammetlife.com

GROUP TERM LIFE ASSURANCE SCHEME
SKIM INSURANS HAYAT SEMENTARA KUMPULAN

POLICY NO: **S1000101**
NO POLISI. : **S1000101**

In consideration of premium received within the period mutually agreed between **AmMetLife Insurance Berhad** (hereinafter called "Company") and **TONE WOW SDN. BHD.** hereinafter called "Policy Owner"), it is hereby agreed subject to the terms and provisions hereof that the Company shall pay to the Life Assured(s) the benefits calculated as herein prescribed after the Policy Owner shall have supplied the Company with proof to the reasonable satisfaction of the Company of the happenings of the events upon which such benefits are to become payable.

*Sebagai balasan kepada premium yang diterima dalam tempoh yang dipersetujui bersama antara **AmMetLife Insurance Berhad** (kemudian dari ini dirujuk sebagai "Pihak Syarikat") dengan **TONE WOW SDN. BHD.** (kemudian dari ini dirujuk sebagai "Pemilik Polisi"), adalah dengan ini dipersetujui dan diperakui bahawa tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan dokumen ini Pihak Syarikat akan membayar manfaat yang dikira sebagaimana ditetapkan di dalam ini kepada Diri (-Diri) yang Diinsuranskan selepas Pemilik Polisi telah memberikan bukti yang secara munasabahnyanya memuaskan kepada Pihak Syarikat tentang berlakunya kejadian-kejadian yang mana manfaat-manfaat sedemikian akan dibayar.*

This Policy is subject to the conditions stated in Schedules hereto or to any other conditions and provisions endorsed or written hereon or on the sheets attached and signed for the Company by its authorised representative(s) as being relative hereto or contained in the said Schedules.

Polisi ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Jadual dokumen ini atau kepada apa-apa syarat-syarat dan peruntukan-peruntukan lain yang diendorskan atau dituliskan pada dokumen ini atau pada helaian yang dilampirkan dan ditandatangani bagi Pihak Syarikat oleh wakil(-wakil)nya yang diberikuasa sebagai berkaitan dalam dokumen ini atau terkandung di dalam Jadual tersebut.

Signed in Kuala Lumpur on the Policy Issue Date stated in the First Schedule for and on behalf of the Company.
Ditandatangani di Kuala Lumpur pada Tarikh Polisi Dikeluarkan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama untuk dan bagi Pihak Syarikat.

Authorised Signature
Tandatangan Diberikuasa

The benefit(s) payable under eligible policy is (are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact AmMetLife Insurance Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah policy yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

TABLE OF CONTENTS
KANDUNGAN

FIRST SCHEDULE	Appendix
<i>JADUAL PERTAMA</i>	
SECOND SCHEDULE	1
<i>JADUAL KEDUA</i>	
BASIC POLICY PROVISIONS	1
<i>PERUNTUKAN POLISI ASAS</i>	
1. Definitions	1-2
<i>Takrif</i>	
2. Eligibility	2-3
<i>Kelayakan</i>	
3. Effective Date of Individual Assurance	3
<i>Tarikh Efektif Asurans Individu</i>	
4. Evidence of Assurability	4-5
<i>Bukti Kebolehinsuranaan</i>	
5. Aggregate Limit of Liability Per Conveyance	5
<i>Had Agregat bagi Liabiliti Per Konveyans</i>	
6. Data Required	5-6
<i>Data yang Diperlukan</i>	
7. Amount and Calculation of Premium/Grace Period	7-8
<i>Amaun dan Pengiraan Premium/Tempoh Tenggang</i>	
8. Reinstatement	8
<i>Pengembalian Semula</i>	
9. Policy Proceeds	8
<i>Hasil Polisi</i>	
10. Termination of Assurance	9-10
<i>Penamatan Asuran</i>	
11. Death Claims Documentation	10
<i>Dokumentasi Tuntutan Kematian</i>	
THIRD SCHEDULE	11
<i>JADUAL KETIGA</i>	
GENERAL PROVISIONS	11
<i>PERUNTUKAN AM</i>	
1. Master Contract	11-12
<i>Kontrak Induk</i>	
2. Amendment of this Policy	13
<i>Pindaan Pada Polisi Ini</i>	
3. Assignments	13
<i>Penyerahan Hak</i>	
4. Records	13
<i>Rekod</i>	
5. Payment of Premiums	13-14
<i>Pembayaran Premium</i>	
6. Filing Proof of Loss	14
<i>Memfailkan Bukti Kerugian</i>	

7.	Incontestability	14-15
	<i>Tidak Boleh Tanding</i>	
8.	Renewal Privilege	15
	<i>Keistimewaan Pembaharuan</i>	
9.	Termination of Policy	15-16
	<i>Penamatan Polisi</i>	
10.	Misstatement of Age	16
	<i>Pernyataan Silap tentang Umur</i>	
11.	Misrepresentation/Fraud	17
	<i>Salah Nyata/Penipuan</i>	
12.	Condition Precedent	17
	<i>Syarat Terdahulu</i>	
13.	Policy Non-Participating	18
	<i>Polisi Tanpa Penyertaan</i>	
14.	Law and Interpretation	18
	<i>Undang-Undang dan Tafsiran</i>	
15.	Consumption Tax	18
	<i>Cukai Penggunaan</i>	
	POLICY INFORMATION STATEMENT	19
	<i>PERNYATAAN INFORMASI POLISI</i>	
	IMPORTANT NOTICE	19-21
	<i>NOTIS PENTING</i>	
	ENDORSEMENT	22 - 23
	<i>ENDORSEMEN</i>	

FIRST SCHEDULE

POLICY NO. : S1000101

Basic Policy	Group Term Life Assurance Scheme
[Redacted Section]	
Policy Owner	TONE WOW SDN. BHD.
Life Assured	All Eligible Employees who qualify to be Life Assured under condition 1 of Second Schedule
Events on which benefits are payable:-	<ul style="list-style-type: none"> • Death due to Natural and Accidental Causes
<u>Eligible Employees or Eligible Members:-</u> <u>Classification</u> Plan 1 - Business/Pro Plan	<u>Sum Assured</u> <u>Death</u> RM4,000.00
Eligibility	Date of Employment/Date of Members Acceptance
[Redacted Section]	

JADUAL PERTAMA**NOMBOR POLISI: S1000101**

<i>Polisi Asas</i>	<i>Skim Insurans Hayat Sementara Kumpulan</i>
X	
<i>Pemilik Polisi</i>	TONE WOW SDN. BHD.
<i>Diri yang Diinsurankan</i>	<i>Kesemua Pekerja yang Layak yang berkeelayakan untuk menjadi Diri yang Diinsurankan di bawah syarat 1 pada Jadual Kedua</i>
<i>Kejadian-kejadian yang manfaat boleh dibayar:-</i>	<ul style="list-style-type: none"> <i>Kematian akibat Sebab-sebab Semulajadi dan Kemalangan</i>
<u><i>Pekerja-pekerja atau Ahli-ahli yang Layak:-</i></u> <u><i>Klasifikasi</i></u> <i>Plan 1 - Business/Pro Plan</i>	<u>Jumlah Diinsurankan</u> <u>Kematian</u> <i>RM4,000.00</i>
<i>Kelayakan</i>	<i>Tarikh Penerimaan Ahli</i>
X	

SECOND SCHEDULE
JADUAL KEDUA

BASIC POLICY PROVISIONS
PERUNTUKAN POLISI ASAS

1. Definitions

Takrif

It is expressly agreed between the Company and the Policy Owner that for the purpose of this Policy:-
Adalah diisytiharkan dan dipersetujui secara nyata antara Pihak Syarikat dengan Pemilik Polisi bahawa bagi tujuan Polisi ini:-

- 1.1 **“Policy”** shall mean this agreement and any endorsements, amendments herein signed by the authorised representative of the Company, the proposal of the Policy Owner and Life Assured, all Schedules annexed hereto from time to time and the medical examination, if any, of Life Assured.
“Polisi” membawa maksud perjanjian ini dan mana-mana endorsemen di dalamnya, mana-mana pindaan padanya yang ditandatangani oleh wakil Pihak Syarikat yang diberikuasa, borang cadangan Pemilik Polisi dan Diri yang Diinsuranskan, semua Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini dari masa kemasa dan maklumat perubahan, jika ada, bagi Diri yang Diinsuranskan .
- 1.2 **“Effective Date”** shall mean the date an Eligible Employee becomes a Life Assured under this Policy.
“Tarikh Efektif” membawa maksud tarikh seseorang Pekerja yang Layak menjadi Diri yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini.
- 1.3 **“Eligible Employees”** shall mean all present and future employees who are entitled to participate in the assurance plan under this Policy.
“Pekerja-pekerja yang Layak” membawa maksud kesemua pekerja pada waktu ini dan pada masa hadapan yang layak menyertai pelan insurans di bawah Polisi ini.
- 1.4 **“Life Assured”** shall mean a person:-
“Diri yang Diinsuranskan” membawa maksud seseorang:-
- 1.4.1 who has entered into a written contract of service with the Policy Owner; and
yang telah memasuki suatu kontrak perkhidmatan bertulis dengan Pemilik Polisi ; dan
- 1.4.2 who is in the full time service of the Policy Owner (inclusive of temporary or contracted employees) serving in Malaysia or such other territory or territories as the Policy Owner and the Company shall from time to time agree; and
yang telah berkhidmat secara sepenuh masa dengan Pemilik Polisi (termasuklah pekerja-pekerja sementara atau berkontrak) yang berkhidmat di Malaysia atau di wilayah atau wilayah-wilayah lain seperti yang dipersetujui oleh Pemilik Polisi dan Pihak Syarikat dari semasa ke semasa; dan

- 1.4.3 who has not attained the age of 70 years unless otherwise accepted by the Company in writing; and
yang belum mencapai usia 70 tahun melainkan telah diterima sebaliknya oleh Pihak Syarikat secara bertulis; dan
- 1.4.4 for whom the premiums have been paid within the prescribed period; and
yang mana seseorang telah menjelaskan premium seperti dalam tempoh yang telah ditetapkan; dan
- 1.4.5 who is Actively at Work on the date of his eligibility; and
yang aktif bekerja pada tarikh kelayakannya; dan
- 1.4.6 who is included in the listing to be provided by the Policy Owner to the Company by virtue of Clause 3 and Clause 6 of the Second Schedule.
yang telah termasuk di dalam senarai yang disediakan oleh Pemilik Polisi kepada Pihak Syarikat dengan menurut Fasal 3 dan Fasal 6 pada Jadual Kedua.
- 1.5 **“Actively at Work”** shall mean that the Eligible Employee is currently engaged in full time occupation for regular salary or pay and is physically present during working hours. Absence due to normal holidays, study leave or training as distinct from sick leave shall also satisfy the requirements.
“Aktif bekerja” membawa maksud bahawa Pekerja yang Layak tersebut pada masa ini terlibat di dalam pekerjaan secara sepenuh masa dengan memperoleh gaji atau bayaran tetap dan hadir secara fizikal ketika waktu bekerja. Ketidakhadiran oleh sebab cuti-cuti biasa, cuti belajar atau latihan yang bersifat berlainan daripada cuti sakit akan turut dianggap memenuhi keperluan ini.
- 1.6 **“Policy Year”** shall mean a period of twelve months from the Commencement Date or on any Anniversary thereof.
“Tahun Polisi” membawa maksud suatu tempoh dua belas bulan dari Tarikh Permulaan atau pada mana-mana Ulang Tahunnya.
- 1.7 **“Consumption Tax”** means any tax payable (presently or in the future) on the sale or supply of goods, services or other types, including but not limited to goods and service tax, value added tax, sales tax, service tax or any similar impost.
“Cukai Penggunaan” bermakna apa-apa cukai yang kena dibayar (pada masa sekarang atau pada masa akan datang) untuk jualan atau pembekalan barangan, perkhidmatan atau jenis-jenis lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai barang dan perkhidmatan, cukai nilai tambah, cukai jualan, cukai perkhidmatan atau mana-mana pajak yang sama.

2. **Eligibility** **Kelayakan**

The persons eligible for assurance under the Policy shall be the present and future full time employees of the Policy Owner and who qualify to be a Life Assured in accordance with the definition stated.

Individu-individu yang layak diinsuranskan di bawah Polisi ini hendaklah terdiri daripada para pekerja Pemilik Polisi pada waktu ini dan masa hadapan dan mereka yang layak dianggap sebagai seorang Diri yang Diinsuranskan bersesuaian dengan takrifan yang dinyatakan.

If an employee is not Actively at Work on the date that he would otherwise be eligible in accordance with the above mentioned requirements, his eligibility date will be deferred to the first day of his return to active full time work.

Sekiranya seseorang pekerja tidak aktif bekerja pada tarikh yang mana sepatutnya dia akan menjadi layak menurut keperluan yang dinyatakan di atas, tarikh kelayakannya akan ditunda ke hari pertama dia kembali bekerja secara aktif dan sepenuh masa.

3. Effective Date of Individual Assurance

Tarikh Efektif Asurans Individu

3.1 All Eligible Employees shall be eligible to participate in the scheme on the Commencement Date of the Policy provided the premiums are paid to the Company and the listing required under Clause 6 of this schedule is received by the Company on or before the Commencement Date of the Policy or within the period mutually agreed between the Company and Policy Owner.

Kesemua Pekerja yang Layak akan menjadi layak untuk menyertai skim ini pada Tarikh Permulaan Polisi dengan syarat premium-premium adalah dibayar kepada Pihak Syarikat dan senarai yang diperlukan di bawah Fasal 6 jadual ini telah diterima oleh Pihak Syarikat pada atau sebelum Tarikh Permulaan Polisi atau dalam tempoh yang dipersetujui secara bersama oleh Pihak Syarikat dan Pemilik Polisi.

3.2 Eligible Employees who are employed during the Policy Period or any renewals thereof (hereinafter referred to as the New Eligible Employees) shall be eligible to participate in this scheme provided:-

Para Pekerja yang Layak yang bekerja ketika Tempoh Polisi atau mana-mana pembaharuan daripadanya (kemudian dari ini dirujuk sebagai Pekerja-pekerja yang Layak yang Baru) akan menjadi layak untuk menyertai skim ini dengan syarat:-

3.2.1 The Policy Owner shall within thirty (30) days from the date of their Eligibility submit to the Company a listing together with all the particulars and declarations required under Clause 6 of this Schedule.

Pemilik Polisi hendaklah mengemukakan kepada Pihak Syarikat suatu senarai berserta dengan segala butiran dan perakuan yang diperlukan di bawah Fasal 6 Jadual ini dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh Kelayakan mereka.

3.2.2 The premiums payable in respect of the said employees shall be paid to the Company within sixty (60) days from the date of receipt by the Policy Owner of a Schedule of Benefits and Premiums to be forwarded by the Company. The Company however, reserves the right to extend the duration of the payment due.

Premium-premium yang boleh dibayar berkaitan dengan pekerja-pekerja tersebut hendaklah dijelaskan kepada Pihak Syarikat dalam masa enam puluh hari (60) dari tarikh penerimaan suatu Jadual Manfaat dan Premium oleh Pemilik Polisi yang akan diserahkan oleh Pihak Syarikat. Walaubagaimanapun, Pihak Syarikat berhak untuk melanjutkan tempoh untuk premium yang kena dibayar.

3.2.3 The commencement of cover for New Eligible Employees shall be from the date of Eligibility provided the Policy Owner submits the listing and the premiums within the period stipulated above.

Permulaan perlindungan bagi Pekerja-pekerja Baru yang Layak hendaklah bermula dari tarikh Kelayakan dengan syarat Pemilik Polisi menyerahkan senarai dan premium-premium dalam tempoh masa yang disyaratkan di atas.

4. Evidence of Assurability***Bukti Kebolehinsuranaan***

4.1 Unless otherwise exempted in writing by the Company, if the Sum Assured in respect of any Life Assured exceeds the Free Cover Limit, the Life Assured shall provide Evidence of Assurability or undergo such medical examination as the Company may prescribe at its sole discretion. The Company shall notify the Life Assured to undergo the said medical examination after receipt by the Company of the listing under Clause 3.2.1 hereof.

Melainkan sebaliknya dikecualikan secara bertulis oleh Pihak Syarikat, sekiranya Jumlah Diinsurankan berkaitan dengan Diri yang Diinsurankan melebihi Had Perlindungan Percuma, Diri yang Diinsurankan berkenaan hendaklah menyediakan Bukti Kebolehinsuranaan atau menjalani pemeriksaan perubatan yang sedemikian seperti yang boleh ditentukan oleh Pihak Syarikat menurut budi bicara tunggalnya. Pihak Syarikat hendaklah memaklumkan Diri yang Diinsurankan untuk menjalani pemeriksaan perubatan tersebut setelah Pihak Syarikat menerima senarai seperti dalam Fasal 3.2.1 dalam dokumen ini.

4.2 The said Free Cover Limit shall be as specified in the First Schedule or Endorsement thereof, and is subject to review by the Company at the end of each Policy Period.

Had Perlindungan Percuma tersebut hendaklah diperincikan di dalam Jadual Pertama atau Endorsemen padanya, dan adalah tertakluk kepada penilaian semula oleh Pihak Syarikat pada akhir setiap Tempoh Polisi.

4.3 If the Sum Assured is less than the Free Cover Limit, the Life Assured is not required to undergo such medical examination unless at the time of Eligibility, he is above fifty-eight (58) years of age.

Jika Jumlah Diinsurankan adalah kurang daripada Had Perlindungan Percuma, Diri yang Diinsurankan tidak diperlukan menjalani pemeriksaan perubatan sedemikian melainkan pada masa Kelayakan, dia berusia melebihi lima puluh lapan (58) tahun.

4.4 If the Life Assured is 58 years of age and below and he does not undergo the said medical examination as required by the Company, the Life Assured notwithstanding his Sum Assured, shall only be entitled to coverage up to the Free Cover Limit.

Jika Diri yang Diinsurankan adalah berusia 58 tahun dan ke bawah, dan dia tidak menjalani pemeriksaan perubatan seperti yang diperlukan Pihak Syarikat, Diri yang Diinsurankan walau apa pun Jumlah Diinsuranskannya, hanya akan layak kepada perlindungan sehingga Had Perlindungan Percuma.

4.5 In the event the findings of the medical examination in respect of the Life Assured are not satisfactory to the Company, the Company shall at its absolute discretion:-

Sekiranya hasil keputusan pemeriksaan perubatan yang berkaitan dengan Diri yang Diinsurankan adalah tidak memuaskan kepada Pihak Syarikat, Pihak Syarikat akan pada budi bicara mutlaknya:-

4.5.1 Limit the Sum Assured to the Free Cover Limit; or

Mengehadkan Jumlah Diinsurankan kepada Had Perlindungan Percuma; atau

4.5.2 Maintain the full Sum Assured but impose an increase in the premium and/or subject to special condition in such manner as the Company may deem fit

Mengekalkan Jumlah Diinsurankan penuh tetapi mengenakan penambahan kepada premium dan/atau tertakluk kepada syarat khas seperti mana yang dianggap sesuai oleh Pihak Syarikat

4.6 The Company reserves the right to charge an extra premium in respect of any Life Assured who engages in hazardous activities.

Pihak Syarikat berhak untuk mengenakan caj premium tambahan berkaitan dengan mana-mana Diri yang Diinsuranskan yang melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti berbahaya.

- 4.7 All medical examination and/or test of any Life Assured as required or may be required by the Company shall be conducted by medical practitioners approved by the Company and all expenses and cost incurred shall be for the account of the Company.

Segala pemeriksaan perubatan dan/atau ujian ke atas mana-mana Diri yang Diinsuranskan seperti yang diperlukan atau yang mungkin diperlukan oleh Pihak Syarikat hendaklah dijalankan oleh para pengamal perubatan yang telah diluluskan oleh Pihak Syarikat dan segala perbelanjaan dan kos yang dikenakan hendaklah bagi akaun Pihak Syarikat.

6. Data Required

Data yang Diperlukan

- 6.1 The Policy Owner shall keep a record with respect to each Life Assured under this Policy, showing the Life Assured's name, Identity Card Number, sex, age or date of birth, Sum Assured, Effective Date, the date assurance terminated, changes, with dates noted, of classification, beneficiary designation and other pertinent information as may be necessary to carry out the terms of this Policy.

Pemilik Polisi hendaklah menyimpan suatu rekod yang berkaitan dengan setiap Diri yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini, yang menunjukkan nama Diri yang Diinsuranskan, Nombor Kad Pengenalan, jantina, usia atau tarikh lahir, Jumlah Diinsuranskan, Tarikh Efektif, tarikh asurans ditamatkan, perubahan-perubahan, dengan catatan tarikh-tarikh klasifikasi, penamaan benefisiari dan maklumat-maklumat penting lain yang mungkin diperlukan bagi melaksanakan terma-terma Polisi ini.

The Policy Owner shall furnish the Company with the above information within thirty (30) days from:-

Pemilik Polisi hendaklah mengemukakan kepada Pihak Syarikat maklumat-maklumat di atas dalam masa tiga puluh (30) hari dari:-

- (a) the Commencement Date, or
Tarikh Permulaan, atau

- (b) Upon renewal at the end of any Policy Period, or
Setelah pembaharuan pada akhir mana-mana Tempoh Polisi, atau
- (c) from the date of Eligibility for New Eligible Employees.
dari tarikh Kelayakan bagi Pekerja Baru yang Layak.

6.2 In respect of (a) any New Eligible Employee applying for Sum Assured in excess of the Free Cover Limit, (b) any Life Assured whose Sum Assured is below the Free Cover Limit but requesting for increase in Sum Assured in excess of either Limit and (c) any Life Assured whose Sum Assured is in excess of the Free Cover Limit and requesting for increase in Sum Assured, the Policy Owner must furnish the above information to the Company within 60 days from the date of such change. The Sum Assured in excess of the Free Cover Limit may be accepted subject to evidence of assurability as per Clause 4 of this Schedule.

Berkenaan dengan (a) mana-mana Pekerja Baru yang Layak yang memohon Jumlah Diinsuranskan yang melebihi Had Perlindungan Percuma, (b) mana-mana Diri yang Diinsuranskan yang mana Jumlah Diinsuranskannya adalah rendah daripada Had Perlindungan Percuma tetapi memohon untuk meningkatkan Jumlah Diinsuranskan melebihi mana-mana satu Had dan (c) mana-mana Diri yang Diinsuranskan yang mana Jumlah Diinsuransnya adalah melebihi Had Perlindungan Percuma dan meminta peningkatan Jumlah Diinsuranskan, maka Pemilik Polisi hendaklah mengemukakan maklumat di atas kepada Pihak Syarikat dalam masa 60 hari dari tarikh perubahan sedemikian. Jumlah Diinsuranskan yang melebihi Had Perlindungan Percuma boleh diterima tertakluk kepada bukti kebolehsuransan menurut Fasal 4 Jadual ini.

6.3 Clerical error in keeping the records shall not invalidate assurance otherwise validly in force nor continue assurance otherwise validly terminated, but upon the discovery of such error, an equitable adjustment shall be made.

Kesilapan pengkeranian dalam penyimpanan rekod-rekod tidak akan mentaksahkan asurans melainkan dikuatkuasakan secara sah atau tidak akan meneruskan asurans melainkan ditamatkan secara sah, tetapi setelah kesilapan tersebut ditemui, penyelarasan yang saksama hendaklah dibuat.

6.4 The Policy Owner shall furnish the Company with all information and proof which the Company may reasonably require with regard to any matters pertaining to the Policy. All documents furnished to the Policy Owner by any Life Assured in connection with the assurance, and other records as may have a bearing on the assurance under this Policy, shall be open for inspection by the Company at all reasonable times.

Pemilik Polisi hendaklah mengemukakan segala maklumat dan bukti kepada Pihak Syarikat yang sewajarnya diperlukan oleh Pihak Syarikat berkaitan dengan mana-mana perkara berkenaan dengan Polisi ini. Segala dokumen yang dikemukakan kepada Pemilik Polisi oleh mana-mana Diri yang Diinsuranskan berkaitan dengan asurans ini, dan rekod-rekod lain yang mungkin ada kaitan dengan asurans di bawah Polisi ini, hendaklah terbuka kepada siasatan oleh Pihak Syarikat pada segala masa yang sewajarnya.

6.5 On receipt of the listing as aforesaid, the Company shall forward to the Policy Owner a Schedule of Benefits and Premiums which inter alia shall state the names and/or identity card numbers of all Life Assured, their respective Sum Assured and date of birth.

Setelah penerimaan senarai yang disebutkan di atas, Pihak Syarikat hendaklah mengemukakan kepada Pemilik Polisi suatu Jadual Manfaat dan Premium yang inter alia akan menyatakan nama-nama dan/atau nombor-nombor kad pengenalan kesemua Diri yang Diinsuranskan, Jumlah Diinsuranskan dan tarikh lahir masing-masing.

7. Amount and Calculation of Premium/Grace Period***Amaun dan Pengiraan Premium/Tempoh Tenggang***

- 7.1 The amount of premium payable for each Life Assured in each Policy Year shall be calculated at the Annual Premium Rate specified in the First Schedule or Endorsement thereof. This rate shall remain unchanged for the entire Policy Period. Thereafter, the Company, by notice in writing to the Policy Owner, may vary such rates as it thinks fit. *Amaun premium boleh dibayar bagi setiap Diri yang Diinsuranskan pada setiap Tahun Polisi hendaklah dihitung pada Kadar Premium Tahunan seperti yang diperincikan di dalam Jadual Pertama atau Endorsemen daripadanya. Kadar ini akan Kekal tidak berubah sepanjang Tempoh Polisi. Selepas itu, Pihak Syarikat, menerusi notis bertulis kepada Pemilik Polisi, boleh memberikan kadar yang berlainan seperti yang difikirkan bersesuaian.*
- 7.2 The premium payable by the Policy Owner in any Policy Year shall be the total of the premiums calculated in respect of all Life Assured. *Premium yang boleh dibayar oleh Pemilik Polisi pada mana-mana Tahun Polisi hendaklah terdiri daripada jumlah premium yang dihitung berkaitan dengan kesemua Diri yang Diinsuranskan.*
- 7.3 The premium payable by the Policy Owner in any Policy Year shall be calculated at the beginning of that Policy Year. The first premium and premiums for New Eligible Employees shall be paid in accordance with Clause 3 thereof. *Premium yang boleh dibayar oleh Pemilik Polisi pada mana-mana Tahun Polisi hendaklah dihitung pada permulaan Tahun Polisi tersebut. Premium dan premium-premium pertama bagi Pekerja Baru yang Layak hendaklah dibayar menurut Fasal 3 daripadanya.*
- 7.4 At the beginning of the new Policy Period, the Company may issue a provisional premium as per infomed Life Assured. Premium due during the new Policy Period is calculated at the annual premium rate indicate in the Renewal Notice. The Policy Owner shall within thirty (30) days from the date of expiry of previous Policy Period to submit to the Company a listing on the total number of Life Assured, their respective ages and Sum Assured. *Pada permulaan Tahun Polisi baru, Pihak Syarikat boleh mengeluarkan suatu premium sementara yang berasaskan kepada setiap Diri yang Diinsuranskan yang aktif. Premium yang perlu dibayar pada Tahun Polisi baru adalah dihitung pada kadar premium tahunan yang ditunjukkan di dalam Notis Pembaharuan. Pemilik Polisi dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh luput Tahun Polisi yang terdahulu akan menyerahkan kepada Pihak Syarikat suatu senarai jumlah Diri yang Diinsuranskan, usia masing-masing dan Jumlah Diinsuranskan.*
- 7.5 On receipt of the listing mentioned under Clause 7.4 above, the Company shall furnish the Policy Owner with the Schedule of Benefits and Premiums. The Policy Owner shall pay the Company the difference between the premiums derived from the Schedule of Benefits and Premiums and the provisional premiums (hereinafter referred to as the difference in premiums) within sixty (60) days from the date of notification of the actual premiums. The Company however, reserves the right to extend the duration of the payment due. *Setelah menerima senarai yang dinyatakan di Fasal 7.4 di atas, Pihak Syarikat hendaklah mengemukakan Jadual Manfaat dan Premium kepada Pemilik Polisi. Pemilik Polisi hendaklah membayar kepada Pihak Syarikat perbezaan di antara premium-premium yang diperolehi daripada Jadual Manfaat dan Premium dengan premium-premium sementara (dirujuk sebagai perbezaan premium-premium kemudian dari ini) dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh pemakluman premium sebenar. Walaubagaimanapun, Pihak Syarikat berhak untuk melanjutkan tempoh untuk premium yang kena dibayar.*

- 7.6 Premiums in respect of new Life Assured included in this Policy at any time during the Policy Period will be calculated on receipt of the listing as aforesaid and the premiums payable by the Policy Owner in respect of the new Life Assured shall be indicated in the Schedule of Benefits and Premiums to be forwarded by the Company to the Policy Owner.

Premium berkaitan dengan Diri yang Diinsuranskan yang baru yang dimasukkan ke dalam Polisi ini pada bila-bila masa semasa Tempoh Polisi akan dihitung pada masa penerimaan senarai seperti yang dinyatakan sebelum ini dan premium-premium yang boleh dibayar oleh Pemilik Polisi berkaitan dengan Diri yang Diinsuranskan yang baru akan ditunjukkan di dalam Jadual Manfaat dan Premium yang akan diserahkan kepada Pemilik Polisi oleh Pihak Syarikat.

- 7.7 The Company reserves the right to establish, at the end of any Policy Period or whenever the terms of this Policy are changed, new premium rates at which subsequent premiums shall be computed.

Pihak Syarikat berhak untuk menetapkan, pada akhir mana-mana Tempoh Polisi atau pada bila-bila masa terma-terma Polisi ini berubah, kadar premium baru yang mana premium-premium yang berikutnya akan dihitung berdasarkannya.

8. Reinstatement ***Pengembalian Semula***

If the premium payable is not paid within the stipulated period and remains unpaid beyond the grace period provided under this Policy, the Policy and/or the coverage in respect of the Life Assured may be reinstated at the Company's discretion upon the following conditions:-

Jika premium yang harus dibayar tidak dijelaskan dalam tempoh yang telah disyaratkan dan masih tidak dibayar selepas tempoh tenggang yang diberi di bawah polisi ini, Polisi dan/atau perlindungan yang berkaitan dengan Diri yang Diinsuranskan boleh dikembalikan semula menurut budi bicara Pihak Syarikat berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- 8.1 A written application for reinstatement be submitted by the Policy Owner.

Suatu permohonan bertulis bagi pengembalian semula telah diserahkan oleh Pemilik Polisi.

- 8.2 Payment of all overdue premiums with interest.

Pembayaran segala premium tertunggak dengan faedah.

- 8.3 Interest on premiums will be charged at a rate to be determined by the Company from the Premium Date to the date of reinstatement.

Faedah ke atas premium akan dikenakan pada suatu kadar yang akan ditentukan oleh Pihak Syarikat dari Tarikh Premium sehingga tarikh pengembalian semula.

9. Policy Proceeds ***Hasil Polisi***

- 9.1 Every benefit payable here under shall be paid to the Policy Owner.

Setiap manfaat yang boleh dibayar seperti di bawah ini akan dijelaskan kepada Pemilik Polisi.

- 9.2 Payment of any sum made by the Company as provided by this section shall be a valid discharge to the Company and shall release the Company of all claims and demands whatsoever in respect thereof.

Bayaran dalam apa-apa jumlah yang dibuat oleh Pihak Syarikat seperti yang diperuntukkan di dalam seksyen ini akan menjadi suatu pelepasan yang sah kepada Pihak Syarikat dan akan melepaskan Pihak Syarikat daripada segala tuntutan dan permintaan apa-apa jua pun berkaitan dengannya.

10. Termination of Assurance***Penamatan Asurans***

- 10.1 The assurance of a Life Assured shall terminate:-
Asurans untuk Diri yang Diinsuranskan akan ditamatkan:-
- 10.1.1 on the date of termination of employment with the Policy Owner.
pada tarikh penamatan penggajian dengan Pemilik Polisi.
- 10.1.2 the date on which the Life Assured enters full-time military, naval or air service.
tarikh Diri yang Diinsuranskan menyertai perkhidmatan tentera, tentera laut atau tentera udara secara sepenuh masa.
- 10.1.3 date on which the Company communicates to the Policy Owner on account of war, or an act of war, such date being determined at the discretion of the Company.
tarikh Pihak Syarikat berkomunikasi dengan Pemilik Polisi atas sebab peperangan atau suatu tindakan peperangan, tarikh sedemikian yang ditentukan menurut budi bicara Pihak Syarikat.
- 10.1.4 the date on which the Life Assured shall cease to be an employee.
tarikh Diri yang Diinsuranskan akan ditamatkan sebagai seorang pekerja.
- 10.1.5 cessation of active work by a Life Assured shall be deemed to constitute the termination of his assurance, except:-
penamatan bekerja secara aktif oleh Diri yang Diinsuranskan akan dianggap sebagai membawa kepada penamatan asuransnya, melainkan:-
- (i) When a Life Assured is receiving full-time education or is seconded to another employer, but not longer than thirty-six (36) months, and provided premium payment for the Life Assured is continued;
Apabila Diri yang Diinsuranskan sedang mengikuti pengajian sepenuh masa atau dipindahkan ke majikan lain, tetapi tidak lebih daripada tiga puluh enam (36) bulan, dan dengan syarat pembayaran premium bagi Diri yang Diinsuranskan masih diteruskan;
- (ii) When a Life Assured is temporarily laid-off or on part-time employment, but not longer than twelve (12) months, and provided premium payment for such Life Assured is continued;
Apabila Diri yang Diinsuranskan diberhentikan secara sementara atau bekerja secara separuh masa, tetapi tidak lebih daripada dua belas (12) bulan, dan dengan syarat pembayaran premium Diri yang Diinsuranskan adalah diteruskan;
- (iii) When a Life Assured is absent on account of sickness or injury whilst under the Policy Owner's payroll and provided premium payment for such Life Assured is continued.
Apabila Diri yang Diinsuranskan tidak hadir bekerja oleh sebab jatuh sakit atau mengalami kecederaan semasa di bawah penggajian Pemilik Polisi dan dengan syarat pembayaran premium bagi Diri yang Diinsuranskan adalah diteruskan.
- 10.1.6 on the date when the premium payments for a Life Assured's assurance are discontinued for any cause, or when the Policy is not renewed or where the provisional premium and the full renewal premium is not paid within the time stipulated in Clause 7, subject always to the Company's right to reinstate under Clause 8 hereof, or

pada tarikh apabila pembayaran premium bagi asurans Diri yang Diinsuranskan telah ditamatkan atas apa-apa alasan, atau apabila Polisi ini tidak diperbaharui atau apabila premium sementara dan premium pembaharuan penuh tidak dijelaskan dalam masa yang disyaratkan di dalam Fasal 7, sentiasa tertakluk kepada hak Pihak Syarikat untuk mengembalikan semula di bawah Fasal 8 dokumen ini, atau

10.1.7 on the date of cancellation of the Policy by either the Policy Owner or the Company in accordance with Clause 9 of the Third Schedule, or
pada tarikh pembatalan Polisi ini sama ada oleh Pemilik Polisi atau Pihak Syarikat menurut Fasal 9 dalam Jadual Ketiga, atau

10.1.8 on the anniversary of the Basic Policy immediately following the seventieth (70th) birthday of the Life Assured unless otherwise accepted by the Company in writing.
pada tarikh ulang tahun polisi untuk Polisi Asas sebaik sahaja selepas hari jadi Diri yang Diinsuranskan yang ke-tujuh puluh (70) melainkan sebaliknya diterima oleh Pihak Syarikat dalam bentuk bertulis.

10.2 No Benefits shall be payable under this Policy if any event giving rise to a claim under this Policy takes place after the date of termination of assurance.
Tiada Manfaat akan dibayar di bawah Polisi ini jika berlakunya apa-apa kejadian yang menyebabkan suatu tuntutan di bawah Polisi ini selepas tarikh penamatan asurans.

11. **Death Claims Documentation** **Dokumentasi Tuntutan Kematian**

In the event of a death claim, the following documents are to be submitted by the Policy Owner, at its own expense, to the Company:-

Jika terdapat suatu tuntutan kematian, dokumen-dokumen berikut akan diserahkan oleh Pemilik Polisi, kepada Pihak Syarikat atas perbelanjaannya sendiri:-

- 11.1 **Original/Certified True Copy of the Death Certificate**
Sijil Kematian Asal/Salinan Sebenar yang Telah Disahkan
- 11.2 **Original/Certified True Copy of the Identity Card of the Deceased**
Kad Pengenalan Si Mati Asal/Salinan Sebenar yang Telah Disahkan
- 11.3 **Death Claim Form** to be completed by the Policy Owner
Borang Tuntutan Kematian yang akan dilengkapi oleh Pemilik Polisi
- 11.4 **Physician's Statement** (whenever requested by the Company)
Pernyataan Doktor (pada bila-bila masa apabila diminta oleh Pihak Syarikat)
- 11.5 **Post-Mortem Report** (whenever requested by the Company)
Laporan Post-Mortem (pada bila-bila masa apabila diminta oleh Pihak Syarikat)
- 11.6 **Police Report** if death is due to accident
Laporan Polis sekiranya kematian adalah disebabkan oleh kemalangan

The Company reserves the right to request for the submission of other documents in addition to, or in lieu of, the above documents for the substantiation of claims.

